



LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERTENGAHAN TAHUN 2025

**Kementerian Kewangan Malaysia
September 2025**

Isi Kandungan

Pengenalan	1
Pendahuluan.....	1
Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2025	3
Ekonomi Global	3
Permintaan	3
Penawaran.....	4
Sektor Luar Negeri.....	6
Rizab Antarabangsa	7
Harga	7
Pasaran Buruh	8
Status Pencapaian Langkah Cukai	10
Status Pencapaian Hasil.....	13
Status Pencapaian Perbelanjaan	16
Prestasi Perbelanjaan.....	16
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Sektor	16
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Tanggungan.....	17
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Bekalan	17
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Pembangunan.....	18
Perbelanjaan Tambahan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka dan Simpanan Luar Jangka	18
Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	20
Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2025.....	22
Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan	33
Penutup.....	35

Pengenalan

Pendahuluan

1. Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menggariskan dua fokus utama iaitu menstruktur ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Kerangka ini diterajui oleh tiga teras utama iaitu menaikkan siling, menaikkan rantai dan tatakelola yang baik serta Reformasi Sektor Awam.
2. Daripada perspektif fiskal, Kerajaan kekal melaksanakan pelan konsolidasi fiskal bagi membina semula penampan dan daya tahan fiskal negara di samping terus menguruskan hutang dan liabiliti Kerajaan. Semasa pembentangan Belanjawan 2025, Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah hasil dan usaha mengoptimum perbelanjaan, terutamanya perbelanjaan subsidi yang beralih daripada secara pukal kepada subsidi secara bersasar.
3. **Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2025** merupakan salah satu usaha Kerajaan bagi menambah baik tahap ketelusan belanjawan dalam memastikan sumber awam diperuntukkan dan dibelanjakan dengan berkesan dan cekap ke arah menyokong aspirasi Ekonomi MADANI selaras keperluan yang termaktub di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal [Akta 850]. Penerbitan laporan ini juga merupakan amalan terbaik di peringkat antarabangsa bagi membina keyakinan awam dalam pengurusan fiskal dan kewangan negara.
4. Penerbitan Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2025 merangkumi prestasi pencapaian negara bagi suku tahun kedua 2025 yang meliputi status pencapaian ekonomi, pencapaian hasil, pencapaian perbelanjaan, penggunaan Kumpulan Wang Luar Jangka dan Rizab Luar Jangka, pencapaian pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2025 dan langkah-langkah belanjawan serta pencapaian strategi pinjaman dan hutang Kerajaan.

Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2025

Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2025

Ekonomi Global

5. Ekonomi global dijangka stabil pada kadar **3.0%** pada tahun 2025 disokong oleh aktiviti perdagangan, tarif AS yang lebih rendah, keadaan kewangan yang bertambah baik serta rangsangan fiskal di ekonomi utama. Dalam kalangan ekonomi maju, pertumbuhan ekonomi dijangka menyederhana pada kadar 1.5%. Di Amerika Syarikat, pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang 1.9% didorong oleh kadar tarif yang lebih rendah daripada jangkaan serta keadaan kewangan yang lebih longgar. Sementara itu, rantau Eropah dijangka mencatatkan pengembangan sebanyak 1.0% berikutan prestasi kukuh Ireland pada suku pertama yang disokong oleh lonjakan eksport farmaseutikal ke Amerika Syarikat. Bagi ekonomi maju lain, pertumbuhan pada tahun 2025 dijangka menyederhana pada kadar 1.6% berikutan pengukuhan mata wang serta tarif yang lebih tinggi terhadap keluli dan aluminium.

6. Sementara itu, pertumbuhan bagi pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi membangun (EMDEs) dijangka pada kadar 4.1% hasil permintaan domestik yang berdaya tahan. China dijangka berkembang 4.8%, dipacu oleh aktiviti yang lebih kukuh hasil daripada pengurangan tarif AS, manakala pertumbuhan India dijangka pada 6.4% mencerminkan persekitaran luar yang lebih menggalakkan. Pertumbuhan dalam kalangan ASEAN-5 pula dijangka mencapai 4.1%. Perdagangan dunia dijangka berkembang pada kadar **2.6%** pada tahun 2025, meskipun rangsangan jangka pendek daripada aliran perdagangan dijangka berkurang pada separuh kedua tahun tersebut. Inflasi global dijangka mereda dan menurun kepada 4.2%, mencerminkan trend berterusan permintaan yang semakin lembap dan harga tenaga yang menurun. Walau bagaimanapun, inflasi dijangka kekal lebih tinggi di EMDEs berbanding dengan ekonomi maju.

Permintaan

7. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak **4.4%** pada suku tahun kedua (ST2) 2025 berbanding pertumbuhan 5.9% yang dicatat pada ST2 2024 (ST1 2025: 4.4%). Pertumbuhan ini disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang rancak, pasaran buruh yang kukuh, inflasi yang mendatar serta pelaburan sektor swasta yang memberangsangkan meskipun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global.

Dari segi pelarasan musim suku tahunan, ekonomi berkembang sebanyak 2.1% berbanding pertumbuhan sebanyak 0.7% pada suku tahunan sebelumnya. Secara keseluruhan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada separuh tahun pertama (S1) 2025 mencatat pertumbuhan sebanyak 4.4% berbanding 5.0% pada S1 2024.

8. Permintaan domestik meningkat sebanyak **7.0%** (ST1 2025: 6%). Penggunaan swasta berkembang sebanyak **5.3%** (ST1 2025: 5.0%) berikutan peningkatan perbelanjaan dalam segmen restoran & hotel; pengangkutan; dan makanan & minuman bukan alkohol. Sementara itu, penggunaan awam berkembang sebanyak 6.4% (ST1 2025: 4.3%) didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan berkaitan bekalan dan perkhidmatan.

9. Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatat pertumbuhan sebanyak **12.1%** (ST1 2025: 9.7%). Dari segi jenis aset, pertumbuhan PMTK terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pelaburan untuk jentera dan peralatan sebanyak 16.6% dan struktur sebanyak 10.5%. Dari sudut PMTK mengikut sektor pula, **pelaburan awam** berkembang sebanyak **13.6%** (ST1 2025: 11.6%) didorong oleh perbelanjaan modal syarikat awam terutamanya dalam sektor pengangkutan dan utiliti manakala **pelaburan swasta** meningkat sebanyak **11.8%** (ST1 2025: 9.2%).

Penawaran

10. Dari sudut penawaran, semua sektor merekodkan pertumbuhan ekonomi yang positif kecuali perlombongan. Sektor **perkhidmatan** mencatat pertumbuhan sebanyak **5.1%** (ST1 2025: 5.0%) didorong oleh peningkatan perbelanjaan pengguna serta aktiviti berkaitan perdagangan dan pelancongan seiring dengan ketibaan pelawat asing yang berterusan. Prestasi tersebut disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor terutamanya subsektor makanan & minuman dan penginapan (9.0%), pengangkutan dan penyimpanan (8.6%), hartanah dan perkhidmatan perniagaan (8.6%), perkhidmatan lain (5.5%), perdagangan borong dan runcit (4.3%) serta maklumat dan komunikasi (3.5%).

11. Sektor **pembuatan** berkembang sebanyak **3.7%** (ST1 2025: 4.1%) didorong oleh pengukuhan aktiviti dalam industri berorientasikan eksport sebanyak 4% dan industri berorientasikan domestik sebanyak 3.2%. Pengukuhan yang dicatat dalam kedua-dua industri disokong oleh permintaan luar negara dan domestik yang berterusan. Secara keseluruhan, pertumbuhan sektor pembuatan dipacu oleh peningkatan pengeluaran dalam subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal (7.3%); produk makanan, minuman dan tembakau (9.8%); serta produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (3.8%).

12. Sektor **pembinaan** kekal rancak dan merekod pertumbuhan dua digit sebanyak **12.1%** (ST1 2025: 14.2%) dengan semua subsektor mencatat pertumbuhan menggalakkan. Subsektor bangunan bukan kediaman berkembang sebanyak 17% dipacu oleh aktiviti pesat dalam pembinaan pusat data di Johor dan juga pembinaan kilang di beberapa negeri. Subsektor bangunan kediaman meningkat sebanyak 12.2% didorong sebahagian besarnya oleh pembangunan projek perumahan sektor swasta terutamanya segmen pangsapuri khidmat. Subsektor aktiviti pembinaan khas mencatat pertumbuhan sebanyak 10.6% dipacu oleh aktiviti penambakan pantai di Pulau Pinang dan projek infrastruktur telekomunikasi. Subsektor kejuruteraan awam pula merekod peningkatan sebanyak 9.4% disokong terutamanya oleh pembinaan projek infrastruktur di Sabah.

13. Sektor **pertanian** merekodkan pertumbuhan sebanyak **2.1%** (ST1 2025: 0.7%) disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor kecuali subsektor getah, perhutanan dan pembalakan, serta ternakan. Subsektor kelapa sawit meningkat sebanyak 5.3% dipacu oleh pengeluaran buah tandan segar yang lebih tinggi terutamanya dari semua wilayah. Subsektor ternakan mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.5% disokong oleh pengeluaran yang lebih baik dalam segmen lembu serta ternakan ayam dan itik. Subsektor pertanian lain meningkat sebanyak 2% disokong oleh prestasi menggalakkan dalam segmen buah-buahan dan sayur-sayuran. Sebaliknya, subsektor getah merosot sebanyak 11.3% akibat pengeluaran getah asli yang rendah dari semua wilayah. Subsektor perhutanan dan pembalakan menyusut sebanyak 4.8% disebabkan output yang lebih rendah dari semua wilayah. Subsektor perikanan pula menyusut sebanyak 2.1% akibat kemerosotan hasil pendaratan dalam semua segmen.

14. Sektor **perlombongan** menguncup sebanyak 5.2% (ST1 2025: -2.7%) berikutan penyusutan kesemua subsektor. Subsektor gas asli merosot sebanyak 8.1% disebabkan oleh output pengeluaran yang rendah dari semua wilayah. Subsektor perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan pula menguncup sebanyak 2.9% akibat aktiviti perkhidmatan sokongan yang lebih rendah. Subsektor minyak mentah dan kondensat pula menyusut sebanyak 1.6% akibat gangguan pengeluaran dari Sabah.

Sektor Luar Negeri

15. Jumlah dagangan berkembang sebanyak **6.1%** kepada **RM749 bilion** (ST1 2025: 3.6%; RM715.7 bilion). **Eksport kasar** meningkat sebanyak **3.3%** kepada RM381.7 bilion (ST1 2025: 4.3%; RM378.4 bilion) disumbangkan oleh peningkatan permintaan bagi barangan pembuatan dan barangan pertanian, meskipun barangan perlombongan menyusut sebanyak 18.7%. Di samping itu, **import kasar** berkembang sebanyak **9.0%** kepada RM367.4 bilion (ST1 2025: 2.8%; RM337.3 bilion) berikutan peningkatan import barangan modal dan barangan penggunaan, meskipun barangan perantaraan berkurang sebanyak 2.5%. Secara keseluruhan, **lebih dagangan** direkodkan sebanyak **RM14.3 bilion** pada ST2 2025.

16. **Lebih akaun semasa** dalam imbalan pembayaran menyusut kepada RM0.3 bilion atau 0.1% daripada pendapatan negara kasar (ST1 2025: 3.6%; RM16.7 bilion) disebabkan oleh lebih dalam akaun barangan yang lebih kecil meskipun akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan mencatatkan defisit yang lebih rendah.

17. Jumlah **pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*; FDI)** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1.6 bilion (ST1 2025: RM15.6 bilion). Aktiviti kewangan dan insurans/takaful; sektor maklumat dan komunikasi; serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal telah menarik sebahagian besar aliran masuk FDI terutamanya dari Singapura, Jepun, United Kingdom, China dan Taiwan.

Rizab Antarabangsa

18. **Rizab antarabangsa negara** pada 30 Jun 2025 berjumlah **USD120.6 bilion (RM510.1 bilion)**. Paras rizab ini telah mengambil kira perubahan suku tahunan bagi penilaian semula pertukaran asing. Paras rizab ini memadai untuk membiayai **4.8 bulan** import barangan dan perkhidmatan serta 0.9 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Harga

19. Indeks Harga Pengguna (**IHP**) meningkat lebih perlahan sebanyak **1.3%** (ST1 2025: 1.5%), terutamanya didorong oleh peningkatan lebih sederhana dalam kumpulan utama rekreasi, sukan & kebudayaan (1.0%; ST1 2025: 1.7%), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.8%; ST1 2025: 2.3%), restoran & perkhidmatan penginapan (2.9%; ST1 2025: 3.3%), makanan & minuman (2.2%; ST1 2025: 2.5%), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.1%; ST1 2025: 0.4%) dan pengangkutan (0.6%; ST1 2025: 0.7%). Manakala, kumpulan utama pakaian & kasut (-0.2%) dan maklumat & komunikasi (-5.2%) masih kekal dalam keadaan deflasi. Sementara itu, kumpulan utama yang mencatatkan peningkatan lebih tinggi termasuk penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (4.0%; ST1 2025: 3.6%), insurans & kewangan (1.5%; ST1 2025: 1.2%), pendidikan (2.2%; ST1 2025: 1.9%) dan kesihatan (1.1%; ST1 2025: 1.0%). Secara keseluruhannya, perkembangan ini menunjukkan bahawa tekanan kos yang berkurangan seiring dengan permintaan domestik kekal stabil.

20. Indeks Harga Pengeluar (**IHPR**) bagi pengeluaran tempatan menyusut sebanyak 3.7% (ST1 2025: -0.3%), dipacu terutamanya oleh penurunan dalam sektor perlombongan (-13.7%; ST1 2025: -8.8%), pembuatan (-3.4%; ST1 2025: -0.9%) dan bekalan elektrik dan gas (-0.6%; ST1 2025: -0.2%). Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (1.4%; ST1 2025: 13.8%), serta bekalan air (0.2%; ST1 2025: 3.6%), pada suku yang sama. Dari segi peringkat pemprosesan, IHPR turut merekodkan angka penurunan dalam semua sektor iaitu bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya (-8.0%; ST1 2025: -0.8%), bahan perantaraan, bekalan dan komponen (-3.0%; ST1 2025: -0.5%), serta barang siap (-2.0%; ST1 2025: 0.5%).

Pasaran Buruh

21. Pasaran buruh kekal stabil dengan pewujudan sekitar 146,000 peluang pekerjaan baharu dalam pasaran pada ST2 2025. Jumlah **guna tenaga** meningkat **2.9%** kepada 16.8 juta berbanding ST2 tahun lalu. **Kadar pengangguran** pula mencatat kadar terendah dalam tempoh sedekad iaitu **3.0%** atau 520,900 penganggur (ST1 2025: 3.1% atau 526,300 penganggur). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama guna tenaga iaitu 66.5% diikuti oleh sektor pembuatan (16.2%) dan pertanian (8.8%). Selain itu, pertumbuhan **gaji dan upah** kekal menggalakkan iaitu 4.2% bagi sektor perkhidmatan dan 1.8% bagi sektor pembuatan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Status Pencapaian Langkah Cukai

Status Pencapaian Langkah Cukai

22. Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan terus komited dalam memperkukuh sistem percukaian negara melalui pelaksanaan **29 Langkah Cukai** yang dirangka secara menyeluruh. Langkah-langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk meluaskan asas cukai, tetapi turut merangkumi pemberian pelbagai pelepasan dan insentif cukai bagi menggalakkan pelaburan swasta serta menyokong aspirasi “Menaikkan Lantai, Menaikkan Siling” di bawah kerangka Ekonomi MADANI.


23. Sehingga 30 Jun 2025, sebanyak 21 langkah cukai telah berjaya dilaksanakan. Antara pencapaian utama termasuk:

- i. Semakan semula kadar Cukai Jualan dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (SST) yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025;
- ii. Penjadualan semula pelaksanaan SST daripada tarikh asal 1 Mei 2025 telah membolehkan sesi libat urus yang lebih menyeluruh bersama pihak berkepentingan serta memberi ruang kepada peniaga untuk membuat persediaan; dan
- iii. Kerajaan mengambil pendekatan berhati-hati dalam peluasan skop SST bagi memastikan barang dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh rakyat tidak dikenakan cukai, sekali gus meminimumkan impak kepada pengguna.

24. Turut dilaksanakan ialah langkah peluasan asas cukai yang melibatkan:

- i. Semakan semula kadar eksais ke atas produk minuman bergula, dengan kutipan sebanyak RM39.22 juta; dan
- ii. Semakan semula duti eksport ke atas minyak sawit mentah, yang mencatatkan kutipan sebanyak RM415.27 juta sehingga 30 Jun 2025. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan strategi fiskal yang lebih mampan dan berimpak tinggi

25. Setakat 30 Jun 2025, pelaksanaan langkah cukai menunjukkan perkembangan memberangsangkan. Sebanyak 21 langkah cukai telah berjaya melalui proses pindaan perundangan dan kini sedang dilaksanakan, menandakan komitmen Kerajaan terhadap reformasi fiskal yang berkesan. Dalam masa yang sama, 8 langkah cukai sedang melalui proses semakan dan pindaan perundangan, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan setiap dasar dilaksanakan dengan teliti dan inklusif. Keseluruhan prestasi pelaksanaan langkah cukai bagi tahun 2025 diringkaskan dalam **Rajah 1**, yang menggambarkan momentum positif ke arah sistem percukaian yang lebih adil, progresif dan mampan



Rajah 1 : Prestasi Pelaksanaan Langkah Cukai Tahun 2025

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Status Pencapaian Hasil

Status Pencapaian Hasil

26. Hasil Kerajaan Persekutuan pada S1 2025 meningkat 6.1% kepada **RM147.6 bilion** (S1 2024: -6.3%; RM139.1 bilion) disumbangkan oleh hasil cukai yang lebih tinggi. Hasil cukai meningkat 12.4% kepada RM119.1 bilion (S1 2024: -7.8%; RM105.9 bilion) disumbangkan oleh kedua-dua cukai langsung dan cukai tidak langsung.

27. Kutipan cukai langsung meningkat 10.3% kepada RM82.2 bilion (S1 2024: -14.4%; RM74.5 bilion) terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan syarikat yang lebih tinggi. Peningkatan kutipan ini didorong oleh anggaran taksiran cukai bulanan oleh syarikat dan taksiran cukai pendapatan individu bagi tahun 2024 yang lebih tinggi serta pertumbuhan gaji dan upah yang lebih baik. Selain itu, hasil cukai langsung lain seperti duti setem dan cukai keuntungan harta tanah turut mencatat kutipan yang lebih baik dengan peningkatan sebanyak 4.2% kepada RM6 bilion (S1 2024: 16.4%; RM5.8 bilion) seiring dengan peningkatan nilai harta tanah dan surat cara sekuriti yang disetamkan.

28. Prestasi kutipan cukai tidak langsung terus menunjukkan kutipan memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak 17.5% kepada RM36.9 bilion (S1 2024: 12.9%; RM31.4 bilion), terutamanya disumbangkan oleh kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) yang lebih tinggi. Kutipan SST meningkat sebanyak 29.8% kepada RM25.6 bilion (S1 2024: 17.6%; RM19.7 bilion) selaras dengan pelaksanaan penuh kadar cukai perkhidmatan pada 8% yang telah bermula Mac 2024 serta pelaksanaan cukai jualan ke atas barangan bernilai rendah. Walau bagaimanapun, duti eksais berkurang sebanyak 9.9% kepada RM6 bilion (S1 2024: 2.0%; RM6.7 bilion), terutamanya disebabkan oleh pengurangan pengeluaran kenderaan bermotor serta kutipan duti eksais yang lebih rendah bagi minuman keras dan rokok. Walau bagaimanapun, kutipan levi meningkat kepada RM1.2 bilion (S1 2024: RM0.7 bilion) disumbangkan terutamanya oleh levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit berikutan purata harga minyak kelapa sawit yang lebih tinggi pada RM4,359/tan (S1 2024: RM4,024/tan).

29. Hasil bukan cukai berkurang kepada RM28.5 bilion (S1 2024: RM33.2 bilion) disebabkan oleh pendapatan pelaburan, kutipan lesen dan permit, serta bayaran perkhidmatan yang lebih rendah. Namun begitu, pengurangan kutipan hasil bukan cukai ini telah ditampung sebahagiannya melalui peningkatan bayaran dividen Bank Negara Malaysia yang berjumlah RM5.25 bilion (S1 2024: RM2.85 bilion).

30. Dari perspektif hasil berkaitan petroleum, kutipan hasil ini berkurang kepada RM21.9 bilion (S1 2024: RM24.8 bilion) berikutan harga minyak mentah yang menunjukkan trend penurunan kepada purata USD77.4 setong berbanding USD83.6 setong bagi tempoh yang sama pada 2024 serta terimaan dividen PETRONAS yang lebih rendah pada RM10 bilion (S1 2024: RM12 bilion). Sebagai peratusan kepada jumlah keseluruhan hasil S1 2025, hasil berkaitan petroleum telah mencatat 14.8% berbanding tempoh yang sama pada 2024 iaitu pada 17.8%.

31. Secara keseluruhan, Kerajaan mengunjurkan kutipan hasil cukai tidak langsung akan dapat menampung pengurangan hasil yang disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi, kesan daripada kenaikan tarif oleh Amerika Syarikat dan turun naik harga komoditi global. Selain itu, Kerajaan melalui agensi kutipan hasil meneruskan inisiatif meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai serta mengurangkan ketirisan hasil melalui pelaksanaan e-invois secara berfasa, peningkatan audit dan siasatan serta kenaikan sekatan perjalanan kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Status Pencapaian Perbelanjaan

Status Pencapaian Perbelanjaan

Prestasi Perbelanjaan

32. Berdasarkan prestasi perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sehingga 30 Jun 2025, prestasi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) adalah sebanyak **44.8%** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**. Faktor yang menyumbang kepada prestasi perbelanjaan ini adalah perbelanjaan emolumen, caj khidmat hutang, caj persaraan serta subsidi dan bantuan sosial serta peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.


Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan
(Januari - Jun 2025)

Perkara	Peruntukan Asal 2025 (RM bilion)	Peruntukan Dipinda 2025 (RM bilion)	Perbelanjaan (RM bilion)	Peratus Perbelanjaan (%)
Perbelanjaan Mengurus (OE)	335.0	335.1	155.3	46.4
Perbelanjaan Pembangunan (DE)	86.0	86.1	33.3	39.0
Jumlah	421.0	421.2	188.6	44.8

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2025)

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Sektor

33. Prestasi **OE** sehingga 30 Jun 2025 adalah sebanyak **RM155.3 bilion**. Pecahan OE mengikut sektor sehingga 30 Jun 2025 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**. Tumpuan perbelanjaan utama adalah sektor sosial yang melibatkan perbelanjaan berkaitan pendidikan dan kesihatan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk semua serta memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.



Rajah 2 : Prestasi OE dan DE mengikut Sektor bagi tempoh Januari-Jun 2025

34. Prestasi **DE** bagi enam bulan pertama tahun ini adalah sebanyak **RM33.3 bilion**. Sektor Ekonomi mencatatkan perbelanjaan terbesar setakat 30 Jun 2025 dengan perbelanjaan berjumlah RM17.5 bilion. Antara komponen terbesar perbelanjaan adalah bagi subsektor pengangkutan yang berjumlah RM8.2 bilion dan subsektor kewangan yang berjumlah RM4.0 bilion.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Tanggungan

35. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Tanggungan sehingga 30 Jun 2025 adalah sebanyak RM49.0 bilion dan pecahan OE Vot/Dana Tanggungan adalah seperti di **Lampiran A**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah yang melibatkan perbelanjaan berkaitan pencen, elaun bersara dan ganjaran serta hutang negara.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Bekalan

36. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Bekalan sehingga 30 Jun 2025 adalah sebanyak RM106.3 bilion dan pecahan OE Vot/Dana Bekalan adalah seperti di **Lampiran B**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah yang melibatkan perbelanjaan berkaitan emolumen dan operasi Kementerian/Agensi serta program-program yang melibatkan subsidi dan kos sara hidup.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Pembangunan

37. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Pembangunan sehingga 30 Jun 2025 adalah sebanyak RM33.3 bilion dan pecahan DE Vot/Dana Pembangunan adalah seperti di **Lampiran C**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Pembangunan antaranya melibatkan perbelanjaan berkaitan penambahbaikan kemudahan infrastruktur luar bandar, menaiktaraf dan membaiki sekolah dan klinik daif serta projek pembangunan rumah rakyat.

Perbelanjaan Tambahan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka dan Simpanan Luar Jangka

38. Sehingga 30 Jun 2025, tiada tambahan di bawah Maksud Bekalan yang diluluskan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW). Walau bagaimanapun, terdapat tambahan diluluskan melalui Waran Khas di bawah Maksud Tanggungan sebanyak **RM182,000,000** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Perbelanjaan Mengurus Tambahan di bawah Maksud Tanggungan melalui Waran Khas (Januari - Jun 2025)

Bil.	Vot/Dana	Jumlah Tambahan (RM)	No. Waran	Tujuan
1.	T.12 - Perbendaharaan	182,000,000	Waran Khas Bil.1 Tahun 2025	Bayaran Tuntutan dan Pampasan atas Perintah Mahkamah
	Jumlah	182,000,000		

39. Sejumlah **RM135,000,070** telah diluluskan sebagai **tambahan DE 2025** melalui Simpanan Luar Jangka (CRAW) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Perbelanjaan Pembangunan Tambahan di bawah Simpanan Luar Jangka
(Januari - Jun 2025)

Bil.	Vot/Dana	Jumlah Tambahan (RM)	No. Waran	Tujuan
1.	P.23 - Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.1 Tahun 2025	Sistem e-JKPTG
2.	P.28 - Kementerian Pengangkutan	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.2 Tahun 2025	Projek Pembaikan Keretapi Negeri Sabah
3.	P.6 – Jabatan Perdana Menteri	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.3 Tahun 2025	Kompleks Latihan Islam/ Tahfiz/ Pusat Komuniti Orang Asli
4.	P.27 - Kementerian Kerja Raya	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.4 Tahun 2025	Naiktaraf Jalan-Jalan
5.	P.43 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.5 Tahun 2025	Promosi dan Pembangunan Industri
6.	P.21 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.6 Tahun 2025	Dasar dan Perancangan Strategik
7.	P.43 - Kementerian Belia dan Sukan	10*	Waran Pendahuluan CRAW Bil.7 Tahun 2025	Pembangunan Teknologi Maklumat (Pelan Strategik ICT)
8.	P.27 - Kementerian Kerja Raya	135,000,000	Waran Pendahuluan CRAW Bil.8 Tahun 2025	Membina Jalan-Jalan Baru (Projek Baru)
	Jumlah	135,000,070		

Nota: *Merupakan peruntukan token/tanda yang disediakan untuk mewujudkan butiran baharu di bawah projek DE bagi tahun semasa. Nilai peruntukan token/tanda adalah sebanyak RM10.

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

40. Bagi S1 2025, baki semasa mencatatkan defisit RM7.7 bilion (S1 2024: RM18.0 bilion), manakala kedudukan fiskal keseluruhan mencatat defisit lebih kecil iaitu RM40.5 bilion (S1 2024: -RM51.6 bilion). Ringkasan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Ringkasan Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

RM bilion	2024 ¹	2025 ²	2024						2025		
			ST1	ST2	S1	ST3	ST4	S2	ST1	ST2	S1
Hasil	324.6	339.7	70.0	69.1	139.1	87.1	98.4	185.5	72.1	75.5	147.6
Belanja mengurus	321.5	335.0	77.7	79.4	157.1	76.3	88.1	164.4	76.4	78.9	155.3
Baki semasa	3.1	4.7	-7.7	-10.3	-18.0	10.8	10.3	21.1	-4.3	-3.4	-7.7
Belanja pembangunan kasar	84.0	86.0	18.9	15.1	34.0	17.7	32.3	50.0	17.8	15.5	33.3
Tolak: Bayaran balik pinjaman	1.7	1.3	0.2	0.2	0.4	0.3	1.0	1.3	0.2	0.3	0.5
Belanja pembangunan bersih	82.3	84.7	18.7	14.9	33.6	17.4	31.3	48.7	17.6	15.2	32.8
Baki keseluruhan	-79.2	-80.0	-26.4	-25.2	-51.6	-6.6	-21.0	-27.6	-21.9	-18.6	-40.5
% kepada KDNK	-4.1	-3.8									

¹ Awalan

² Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2025


Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2025

41. Bagi memastikan inisiatif utama dalam Belanjawan 2024 dilaksanakan dengan lancar, Kerajaan telah menubuhkan Unit Pantau MADANI (PMU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang diberi tanggungjawab memantau, memudahcara dan melaksanakan intervensi ke atas pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024 dan Ekonomi MADANI.

42. Belanjawan 2025 bertemakan “**Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat**” adalah Belanjawan MADANI Ketiga sebagai kesinambungan dasar yang menelusuri Kerangka Ekonomi MADANI, menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam menaikkan siling iaitu meningkatkan ekonomi dan menaikkan lantai, iaitu meningkatkan kesejahteraan Rakyat. Inisiatif Belanjawan 2025 yang disediakan adalah berlandaskan kepada tumpuan berikut:

- i. **Menjana Perubahan ke Puncak Makna;**
- ii. **Membugar Ekonomi ke Medan Jaya; dan**
- iii. **Mensejahtera Rakyat ke Tahap Bahagia.**


43. Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan telah memperuntukkan RM423.0 bilion, yang mana RM335.0 bilion diagihkan untuk Perbelanjaan Mengurus (OE), RM86.0 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan (DE) dan RM2.0 bilion untuk Simpanan Luar Jangka seperti di **Rajah 3**. Pada masa yang sama, PMU turut memantau pelaksanaan inisiatif belanjawan bukan fiskal Kerajaan yang menggunakan dana sedia ada agensi pelaksana berjumlah RM69.0 bilion. Walau bagaimanapun, perhatian khusus diberikan kepada 320 inisiatif yang berimpak tinggi berjumlah RM113.0 bilion merangkumi 138 inisiatif di bawah strategi Membugar Ekonomi sebanyak RM60.8 bilion, 129 inisiatif di bawah strategi Mensejahterakan Rakyat sebanyak RM51.2 bilion dan 53 inisiatif di bawah strategi Menjana Perubahan sebanyak RM1.0 bilion.



Rajah 3: Belanjawan 2025 berjumlah RM423 bilion (termasuk Simpanan Luar Jangka)


Status semasa inisiatif utama di bawah Belanjawan 2025

44. Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2025 telah dikategorikan kepada tiga teras strategik utama iaitu Penambahbaikan Tatakelola, Menaikkan Siling dan Menaikkan Lantai. PMU memantau sebanyak **320 inisiatif berjumlah RM113.0 bilion**, merangkumi Fiskal RM58.1 bilion dan Bukan Fiskal RM54.9 bilion di mana RM51.2 bilion atau 124 inisiatif disediakan bagi Menaikkan Siling manakala RM60.8 bilion atau 148 inisiatif disediakan untuk Menaikkan Lantai. Selain itu, sebanyak 48 inisiatif berjumlah RM1.0 bilion disediakan bagi menambahbaik tatakelola dalam semua urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan seperti di **Rajah 4**.



Rajah 4: Pemantauan 320 Inisiatif Belanjawan 2025 berjumlah RM113.0 bilion

45. Sehingga 30 Jun 2025 kemajuan pelaksanaan 320 Inisiatif Belanjawan 2025 adalah seperti di **Rajah 5**.



Rajah 5: Kemajuan Pelaksanaan 320 Inisiatif Belanjawan 2025

Pertama: Menjana Perubahan ke Puncak Makna

46. Belanjawan 2025 memberi tumpuan kepada reformasi struktur dalam sektor awam bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan telus kepada rakyat. Teras ini menekankan kepentingan tadbir urus yang baik, kebertanggungjawaban fiskal, serta pengurangan kerenah birokrasi bagi membolehkan penyampaian dasar dan pembangunan dilaksanakan dengan lebih berimpak tinggi. Sehingga pertengahan tahun 2025, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada agenda pemodenan sektor awam dan pemantapan keupayaan institusi.

47. Salah satu pencapaian utama ialah pelaksanaan Akta 850 di mana sasaran fiskal yang lebih berhemah dengan mengunjurkan pengurangan defisit fiskal kepada 3.8% daripada KDNK pada tahun 2025 berbanding pencapaian sebenar 4.1% pada tahun 2024. Sasaran jangka sederhana pula adalah untuk menurunkan defisit fiskal kepada 3.0% dan sasaran hutang di bawah paras 60% daripada KDNK. Langkah-langkah ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk memperkukuh kedudukan kewangan negara, meningkatkan keyakinan pasaran, dan memastikan kestabilan makroekonomi dalam jangka panjang.

48. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam, kerajaan telah memulakan pelaksanaan rasionalisasi subsidi secara berperingkat. Subsidi diesel merupakan langkah permulaan, dengan pelaksanaan program BUDI MADANI untuk menggantikan subsidi pukal kepada bantuan tunai bersasar. Langkah ini bukan sahaja membantu mengekang ketirisan perbelanjaan, malah memastikan sumber negara diagih kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan.

49. Penetapan tarif elektrik bersasar telah diperkenalkan bagi isi rumah dengan penggunaan tinggi mulai 1 Julai 2025, sejajar dengan permulaan Tempoh Kawal Selia Keempat (RP4) yang berlangsung sehingga 31 Disember 2027. Di bawah RP4, tarif asas elektrik bagi pengguna domestik telah disemak naik daripada 39.95 sen/kWh (seperti yang ditetapkan dalam RP3) kepada 45.40 sen/kWh—peningkatan sekitar 13.6 peratus. Namun demikian, disebabkan oleh insentif kecekapan dan mekanisme bertingkat yang diperkenalkan, majoriti pengguna domestik dijangka akan menikmati pengurangan bil elektrik sehingga 19 peratus berbanding tempoh kawal selia terdahulu.

50. Kerajaan turut melaksanakan reformasi perolehan untuk mempercepat pelaksanaan projek kecil dan penyelenggaraan awam. Had nilai bagi pelantikan terus dinaikkan kepada RM200 ribu manakala had sebut harga kepada RM1 juta bagi membolehkan kementerian dan agensi mempercepatkan pembaikan bangunan sekolah, klinik dan kuarters kerajaan. Sehingga pertengahan tahun, lebih 2,400 projek penyelenggaraan kecil telah diluluskan dan sedang dilaksanakan, dengan kadar penyelesaian melebihi 70% untuk projek-projek kritikal.

51. Sebagai sebahagian daripada langkah mempercepatkan pelaksanaan dasar, Pasukan Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah mempergiatkan mandat intervensinya. STAR memberi tumpuan kepada pengurangan kesesakan pesakit di fasiliti kesihatan kerajaan dan menyokong usaha membasmi kemiskinan tegar melalui pemantauan rapi terhadap isi rumah yang layak menerusi sistem eKasih. Dari Januari hingga Jun 2025, intervensi STAR telah membawa kepada penambahbaikan yang ketara, termasuk pengurangan purata masa menunggu di Jabatan Kecemasan kepada 120 minit dan peluasan waktu operasi di Klinik Kesihatan terpilih bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan.

52. Program Ikhtiar Sejati Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) terus diperkukuh pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion telah disediakan bagi merancakkan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti di seluruh negara. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat melalui pemberian dana sehingga RM100 ribu kepada komuniti yang layak. Sehingga Jun 2025, Program SejaTi MADANI telah menerima peruntukan sebanyak RM350 juta, dengan 2,351 permohonan program telah diluluskan dan memberi manfaat kepada 2,303 komuniti di seluruh negara. Daripada jumlah itu, nilai geran yang telah diluluskan adalah berjumlah RM191.99 juta dan ini menunjukkan kadar pelaksanaan program yang signifikan dan berimpak tinggi. Sektor pelancongan dan hospitaliti merupakan sektor tumpuan utama yang menjana ekonomi komuniti SejaTi MADANI dengan jumlah peruntukan diluluskan sebanyak RM98.97 juta atau 51.5%. Ini diikuti dengan inisiatif hijau dan kitar semula yang menyokong agenda kelestarian dengan jumlah kelulusan dana sebanyak RM66.28 juta atau 34.5% kepada komuniti.

Kedua: Membugar Ekonomi ke Medan Jaya

53. Belanjawan 2025 menggariskan agenda besar untuk menyusun semula struktur ekonomi negara demi memastikan pertumbuhan yang lebih mampan, bernilai tinggi, dan berdaya saing. Teras ini merupakan sebahagian penting daripada Ekonomi MADANI, yang bertujuan meletakkan Malaysia di landasan ekonomi masa hadapan yang berteraskan inovasi, kelestarian dan penyertaan menyeluruh. Pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan untuk mempercepatkan transformasi industri, memperkukuh ekosistem pelaburan, mempercepatkan peralihan tenaga, serta memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana.

54. Salah satu strategi utama yang memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), yang bertujuan untuk meningkatkan sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan dengan meningkatkan keluaran nilai tambah sebanyak 6.5% setahun, dengan sasaran RM587.5 bilion menjelang 2030. Untuk merancakkan transformasi ini, Belanjawan 2025 memperuntukkan RM200 juta sebagai dana permulaan bagi inisiatif pembangunan industri. Setakat ini, industri bernilai tinggi terutamanya semikonduktor, pusat data, dan pengkomputeran awan menerusi Dana Pelaburan Bersama (CoSIF), telah menarik pelaburan berjumlah kira-kira RM25 juta.

55. Di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), projek-projek utama secara keseluruhannya telah menarik anggaran pelaburan sebanyak RM60.7 bilion dan dijangka akan mewujudkan lebih 84,000 peluang pekerjaan, termasuk lebih daripada 3,400 pekerjaan baharu selepas pembinaan. Projek-projek ini juga dijangka dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 24,264 Gg CO₂eq setiap tahun. Daripada 19 modaliti projek utama, 15 daripadanya berada dalam pelbagai peringkat pembangunan, dengan kemajuan pelaksanaan antara 2% hingga 60%.

56. Antara pencapaian penting ialah penggubalan dua akta utama, iaitu Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (EECA) 2024 [Akta 861], yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2025 bagi mengawal penggunaan tenaga yang cekap dan pemuliharaan tenaga merentas sektor, dan Akta Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) 2025, yang diwartakan pada 22 Julai 2025, yang mengawal keseluruhan kitar hayat teknologi CCUS. Kedua-dua akta ini bertujuan menyokong matlamat iklim Malaysia sambil mendorong pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan industri hijau.

57. Kemajuan ketara turut dicapai dalam inisiatif tenaga boleh diperbaharui hibrid, khususnya dalam pembangunan tenaga solar dan hidrogen. Projek Ladang Solar Terapung Hidro Hibrid dan Hab Hidrogen Hijau di Kenyir terus maju dengan pemasangan sistem solar terapung 100kW berjaya dilaksanakan. Pembangunan berskala besar sedang berlangsung di Kenyir #1 (800MW) dan Kenyir #2 (750MW). Sebagai sokongan, TNB dan PETRONAS telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik untuk meneroka pembangunan Hab Hidrogen Hijau di Terengganu, memanfaatkan sumber solar terapung hidro hibrid di Kenyir. Projek ini kini berada dalam fasa Rekabentuk Kejuruteraan Awal (Pre-FEED) bagi menentukan konfigurasi optimum pengeluaran tenaga boleh diperbaharui, hidrogen hijau dan derivatifnya (ammonia/metanol), serta mengesahkan kes perniagaan.

58. Inisiatif-inisiatif ini dijangka akan memberikan manfaat alam sekitar yang besar, termasuk anggaran pengurangan sebanyak 2.40–2.70 juta tan pelepasan CO₂ setahun menjelang 2030, dengan potensi tambahan pengurangan sebanyak 2.67 juta tan daripada loji janakuasa gas. Selain itu, seramai 30 kontraktor EPCC Bumiputera telah dikenal pasti untuk terlibat, menyokong pembangunan ekonomi inklusif. Berdasarkan penanda aras OECD dan MGI yang menghubungkan pelaburan tenaga RM1 bilion dengan 4,000 pekerjaan, projek-projek ini dijangka menjana kira-kira 36,000 peluang pekerjaan.

59. Dalam masa yang sama, momentum diteruskan menerusi program Solar Berskala Besar (LSS). Satu pencapaian utama ialah permulaan rasmi operasi Loji Kuasa Solar Hibrid Cypark di Merchang pada 9 Jun 2024, menandakan satu lagi langkah penting dalam peralihan Malaysia ke sumber tenaga yang lebih bersih.

60. Setakat 22 Julai 2025, inisiatif KL20 menunjukkan kemajuan kukuh ke arah matlamat menempatkan Kuala Lumpur dalam 20 ekosistem startup global terbaik menjelang 2030. Kedudukan Ekosistem Global Startup Genome Malaysia meningkat daripada tempat ke-71 pada 2024 kepada ke-68 pada 2025, manakala kedudukan negara dalam kategori Ekosistem Baru Muncul meningkat daripada tempat ke-21 kepada ke-18 dalam tempoh yang sama. Selain itu, Kedudukan Daya Saing Dunia IMD Malaysia mencatat lonjakan ketara, meningkat daripada tempat ke-34 pada 2024 kepada tempat ke-23 pada 2025.

61. Kemajuan besar turut dicapai bagi mencapai sasaran 5,000 startup berdaftar pada 2025 menerusi inisiatif SUPER, dengan 4,464 syarikat telah berdaftar di platform Single Window, mewakili 89.28% daripada sasaran. Antara 12 inisiatif utama KL20, VC Golden Pass, SwiftShift, dan Startup Concierge masing-masing telah mencapai 100% sasaran. Beberapa program besar lain sedang dalam pelaksanaan. Taman Reka Bentuk IC Malaysia 1 kini mempunyai 134 jurutera, dengan sasaran mencapai 300 jurutera menjelang akhir 2025, manakala sebuah taman kedua sedang dicadangkan di Cyberjaya.

62. Di bawah inisiatif Gear-Up, KWAP telah menyenarai pendek 12 rakan kongsi global, dengan peruntukan RM6 bilion untuk sektor strategik menerusi Dana Pemacu. Manakala Dana Perintis dilancarkan dengan sasaran gabungan RM500 juta untuk menyokong startup peringkat awal. Tambahan pula, Memorandum Persefahaman (MoU) selama 10 tahun telah ditandatangani dengan ARM Limited, memberi tumpuan kepada akses teknologi, pembinaan kapasiti, dan pembangunan pelayan buatan Malaysia dengan komitmen sebanyak 1,000 unit *System on Chip* (SoC) bernilai USD25 juta.

Ketiga: Mensejahtera Rakyat ke Tahap Bahagia

63. Belanjawan 2025 memperuntukkan sumber yang besar untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, khususnya golongan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Setakat 30 Jun 2025, kemajuan ketara telah dicapai dalam aspek bantuan sosial, perumahan, pendidikan, dan perkhidmatan awam.

64. Satu komponen utama usaha ini ialah perluasan program bantuan tunai Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), dengan peruntukan gabungan sebanyak RM13 bilion pada tahun 2025. Program-program ini secara kolektif telah memberi manfaat kepada lebih 5.4 juta penerima, termasuk isi rumah dan individu. Isi rumah yang layak menerima sehingga RM100 sebulan, manakala individu bujang menerima RM600 setahun, dengan pembayaran kini dibuat secara lancar melalui pembayaran yang dihubungkan dengan MyKad mulai April 2025. Khususnya, isi rumah berpendapatan rendah akan menerima bantuan SARA sehingga RM2,100 pada 2025 menerusi MyKad, berbanding RM1,200 pada tahun 2024, mencerminkan komitmen kukuh kerajaan terhadap perlindungan sosial bersasar.

65. Dalam menyokong institusi keluarga, Belanjawan 2025 meningkatkan pelepasan cukai anak-anak dan menambah pelaburan pendidikan. Kerajaan memperuntukkan RM2 bilion untuk menaik taraf sekolah di seluruh negara dan kerja-kerja awal telah dimulakan bagi 44 buah sekolah baharu. Usaha ini turut dilengkapi dengan peruntukan RM1.8 bilion bagi perumahan penjawat awam untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

66. Untuk meningkatkan pendapatan dan memperkukuhkan jaminan pekerjaan, gaji minimum kebangsaan telah dinaikkan kepada RM1,700 sebulan bermula 1 Februari 2025. Perniagaan kecil dengan kurang daripada lima pekerja diberikan tempoh enam bulan untuk mematuhi syarat ini. Pada masa yang sama, sokongan bersasar untuk pekerja tidak formal dan peserta ekonomi gig ditingkatkan, termasuk latihan kemahiran untuk 3,000 pekerja gig dan insentif tambahan di bawah skim caruman sukarela i-Saraan KWSP.

67. Perkhimatan kesihatan turut mendapat perhatian besar dengan peruntukan sebanyak RM45.3 bilion untuk operasi serta RM1.35 bilion bagi penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan kesihatan awam. Melalui inisiatif klinik daif, sebanyak RM300 juta diperuntukkan pada 2025 untuk membina semula dan menaik taraf klinik-klinik usang, dengan 460 projek diluluskan; 66 di peringkat pra-pelaksanaan, 382 sedang dilaksanakan, dan 12 telah siap setakat 15 Jun 2025. Skim Perubatan MADANI dengan peruntukan RM100 juta telah memberi manfaat kepada 336,044 penerima setakat 30 Jun 2025 dengan menyediakan rawatan pesakit luar percuma di klinik swasta terlibat untuk kumpulan B40. Sementara itu, RM80 juta diperuntukkan untuk program PeKa B40 yang menyediakan sokongan penjagaan kesihatan menyeluruh termasuk saringan kesihatan, bantuan alat perubatan, insentif rawatan kanser, dan subsidi pengangkutan. Setakat 30 Jun 2025, sejumlah 163,521 individu telah mendapat manfaat daripada program ini, mencerminkan peranan pentingnya dalam meningkatkan akses dan hasil kesihatan komuniti berpendapatan rendah. Bantuan sosial untuk golongan rentan turut diperkukuh dengan bantuan bulanan warga emas meningkat dari RM500 kepada RM600, manakala veteran dan orang kurang upaya menerima manfaat tambahan serta pelepasan cukai.

68. Kerajaan juga melabur dalam perumahan mampu milik dan infrastruktur luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan wilayah. Sebanyak RM900 juta disalurkan kepada program perumahan, dengan RM2.61 bilion dalam jaminan pinjaman menyokong hampir 10,000 pembeli rumah pertama setakat ST2 2025.

Komuniti luar bandar dan kurang mendapat perhatian menerima RM2.9 bilion untuk peningkatan infrastruktur asas, RM100 juta untuk klinik bergerak, dan RM376 juta khusus untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli.

69. Sebanyak RM11.41 bilion disalurkan menerusi skim mikro pinjaman di bawah pelbagai institusi kewangan seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, MARA, TEKUN dan lain-lain, memberi manfaat kepada lebih 72,948 PKS dan usahawan mikro. RM7.52 juta dibelanjakan bagi menggalakkan dan meningkatkan penggunaan teknologi hijau serta cekap tenaga dalam kalangan industri tempatan, sementara RM64.55 juta dibelanjakan untuk memperkasakan penyertaan wanita dalam PKS.

Pencapaian Pelaksanaan Keseluruhan Inisiatif Belanjawan 2025


70. Secara keseluruhannya, sebanyak 5.6% daripada 320 inisiatif strategik Belanjawan 2025 telah selesai pelaksanaan manakala 87.8% masih dalam pelaksanaan. Pencapaian Inisiatif Belanjawan 2025 setakat 30 Jun 2025 ini berada di landasan yang tepat dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. PMU akan terus memantau inisiatif Belanjawan 2025 secara berkala bagi memastikan setiap peruntukan digunakan selari dengan garis masa dan unjuran yang telah dipersetujui bersama Agensi Pelaksana. PMU mendapati komitmen yang ditunjukkan oleh Kementerian dan Agensi Pelaksana dalam melaksanakan program-program yang dirancang adalah pada tahap yang memberangsangkan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan

Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan

71. Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan sehingga akhir Jun 2025 dilaksanakan sepenuhnya melalui terbitan instrumen hutang Kerajaan dalam pasaran domestik sebanyak RM91.5 bilion berbanding RM112.5 billion pada akhir Jun 2024. Pinjaman tersebut terdiri daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (RM42 bilion), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) (RM44 bilion) dan Bil Perbendaharaan (RM5.5 bilion). Daripada jumlah terimaan tersebut, sebanyak RM34.3 bilion untuk membiayai semula hutang yang matang, RM40.5 bilion untuk membiayai defisit fiskal manakala baki sebanyak RM16.7 bilion untuk membiayai hutang yang akan matang pada suku tahun ketiga 2025. Pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2025 dianggarkan sebanyak RM80.2 bilion seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 6**.



Rajah 6: Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan

*Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

72. Pada akhir Jun 2025, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM1,304.2 bilion atau 63.9% daripada KDNK (Jun 2024: RM1,227.5 bilion; 63.6% KDNK). Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan adalah hutang dalam negeri berdenominasi ringgit merangkumi 98.3% daripada jumlah hutang, manakala baki 1.7% merupakan pinjaman luar pesisir dalam mata wang asing. Struktur komposisi ini memberi manfaat dengan meminimalkan pendedahan Kerajaan Persekutuan kepada risiko mata wang asing.

73. Dari aspek perundangan, jumlah terkumpul bagi setiap instrumen hutang adalah tidak melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah Akta berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Perundangan Hutang

Akta	Had Statutori	Akhir Jun 2025
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]	MGS ¹ , MGII ² dan MITB ² terkumpul tidak melebihi 65% daripada KDNK	62.7% daripada KDNK
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	RM22.8 bilion
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	RM2 bilion

¹Instrumen diterbitkan di bawah Akta 637 ialah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)

²Instrumen diterbitkan di bawah Akta 275 ialah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB)

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

74. Mengurangkan hutang negara merupakan antara keutamaan Kerajaan MADANI. Komitmen Kerajaan terhadap perkara ini adalah selaras dengan sasaran objektif fiskal di dalam Akta 850 yang menetapkan supaya paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam tempoh jangka sederhana. Pelaksanaan konsolidasi fiskal meliputi langkah hasil dan perbelanjaan merupakan usaha Kerajaan ke arah menambah baik kedudukan kewangan awam seterusnya memastikan kemampanan hutang dalam jangka sederhana dan panjang.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Penutup

75. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan pertengahan tahun 2025 Kerajaan Persekutuan adalah seperti mana yang dirancang. Dalam melaksanakan perbelanjaan, Kerajaan akan terus komited bagi memastikan keseimbangan dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan memastikan kedudukan fiskal yang kukuh serta mapan. Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pembaharuan melalui penggubalan Akta 850 untuk menambahbaik tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan kewangan negara. Langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan sistem percukaian, meningkatkan keberkesanan pengurusan perbelanjaan dan mengurangkan pendedahan risiko fiskal akan terus dipergiatkan bagi memastikan dasar fiskal yang kukuh dan pengurusan hutang yang berhemat. Kerajaan turut melaksanakan pembaharuan fiskal seperti Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan semakan semula perbelanjaan awam dalam usaha untuk menyokong agenda pembangunan negara dan melindungi kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI
MAKSUD TANGGUNGAN (JANUARI - JUN 2025)**

Maksud	Peruntukan Asal 2025 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2025 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
T.01-T.14	102,045.9	102,227.9	49,030.9	48

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2025)

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI MAKSUD BEKALAN
(JANUARI - JUN 2025)**

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Asal 2025 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2025 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
B.1	Parlimen Malaysia	180.1	179.7	77.1	43
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	5.2	5.2	1.4	27
B.3	Jabatan Audit Negara	183.7	183.7	89.5	49
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	165.5	165.5	33.9	21
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	47.8	47.8	20.9	44
B.6	Jabatan Perdana Menteri	5,265.8	5,264.9	2,410.7	46
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	523.7	523.6	709.1	135
B.8	Jabatan Peguam Negara	268.0	268.0	109.8	41
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	343.5	343.5	157.6	46
B.10	Perbendaharaan	4,515.0	4,513.4	2,861.2	63
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	49,867.4	49,867.4	18,013.6	36
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,899.5	1,899.5	943.0	50
B.13	Kementerian Luar Negeri	1,559.0	1,503.0	579.1	39
B.14	Kementerian Perpaduan Negara	587.4	587.2	292.0	50
B.15	Kementerian Ekonomi	600.8	600.6	261.5	44
B.20	Kementerian Perladangan dan Komoditi	446.0	446.0	183.1	41

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Asal 2025 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2025 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
B.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	4,649.0	4,649.0	1,830.6	39
B.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	4,465.5	4,465.4	2,133.3	48
B.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	1,407.2	1,406.2	826.0	59
B.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	947.9	938.7	450.4	48
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	2,004.1	2,004.1	1,146.5	57
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	263.2	262.8	119.5	45
B.27	Kementerian Kerja Raya	1,022.3	1,022.0	469.2	46
B.28	Kementerian Pengangkutan	1,702.4	1,702.4	731.2	43
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	738.9	738.5	326.1	44
B.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	1,188.4	1,187.0	762.7	64
B.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	362.7	361.5	151.8	42
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	23.7	23.7	10.7	45
B.42	Kementerian Kesihatan	38,534.3	38,534.1	17,197.3	45
B.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,971.7	1,971.0	966.8	49

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Asal 2025 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2025 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	628.1	626.9	276.2	44
B.46	Kementerian Sumber Manusia	1,005.9	1,005.6	460.7	46
B.47	Kementerian Komunikasi	1,077.5	1,077.3	482.5	45
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	3,423.5	3,423.4	1,847.6	54
B.50	Kementerian Digital	201.4	200.9	84.8	42
B.60	Kementerian Pertahanan	13,636.7	13,631.7	6,087.7	45
B.62	Kementerian Dalam Negeri	15,527.9	15,526.4	7,442.3	48
B.63	Kementerian Pendidikan	57,867.0	57,866.8	29,054.8	50
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	13,846.3	13,845.8	6,702.6	48
Jumlah		232,954.0	232,870.2	106,304.8	46

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2025)

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI
MAKSUD PEMBANGUNAN (JANUARI - JUN 2025)**

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan 2025 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
P.6	Jabatan Perdana Menteri	5,781.2	1,976.3	34
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,142.3	411.3	36
P.10	Perbendaharaan	7,623.3	5,404.5	71
P.13	Kementerian Luar Negeri	209.9	57.2	27
P.14	Kementerian Perpaduan Negara	124.0	60.0	48
P.15	Kementerian Ekonomi	2,437.5	1,036.6	43
P.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	304.7	186.8	61
P.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	1,772.0	619.0	35
P.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	7,494.4	3,474.4	46
P.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	860.1	241.1	28
P.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	1,236.1	359.4	29
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	72.8	35.7	49
P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	551.9	266.4	48
P.27	Kementerian Kerja Raya	9,462.1	3,693.0	39
P.28	Kementerian Pengangkutan	4,894.0	1,610.4	33
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	536.6	149.8	28
P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	229.9	89.9	39
P.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	4,591.6	1,146.1	25

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan 2025 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
P.42	Kementerian Kesihatan	6,738.1	1,984.6	29
P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3,962.8	1,415.2	36
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	498.3	143.9	29
P.46	Kementerian Sumber Manusia	819.5	309.3	38
P.47	Kementerian Komunikasi	1,476.9	743.8	50
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	217.8	55.4	25
P.50	Kementerian Digital	1,105.9	440.2	40
P.60	Kementerian Pertahanan	7,492.0	3,033.6	40
P.62	Kementerian Dalam Negeri	3,925.4	1,047.1	27
P.63	Kementerian Pendidikan	6,323.1	1,854.5	29
P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	4,250.8	1,442.7	34
Jumlah		86,135.0	33,288.2	39

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2025)